

Komen ringkas Perdana Menteri mengenai rombakan Kabinet

Saya fikir dahulu - Anwar

Oleh AHMAD FADHLULLAH
ADNAN dan AMREE AHMAD
utusannews@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Anwar Ibrahim masih berteka-teki berhubung spekulasi rombakan Kabinet Kerajaan Perpaduan.

Perdana Menteri memberi bayangan sedang mempertimbangkan segala kemungkinan mengenai perkara berkenaan.

"Saya fikir dahulu," katanya ringkas ketika diminta mengulas mengenai spekulasi rombakan tersebut.

Beliau berkata demikian selepas melawat Pameran Sidang Kemuncak Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) anjuran Huawei Sdn, Bhd. di sini.

Desas-desus rombakan Kabinet menjadi polemik selepas jawatan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup kosong kerana kematian penyandang, Datuk Seri Salahuddin Ayub.

Jika Anwar tidak berhasrat merombak Kabinet, beliau tidak perlu mengambil masa sehingga lebih dua bulan untuk



Rombakan Kabinet itu semakin bertiup kencang apabila Perdana Menteri dijangka melakukannya selepas Pilihan Raya Kecil Dewan Undangan Negeri Pelangai di Pahang pada 7 Oktober ini."

melantik pengganti Salahuddin kerana jawatan itu hanya perlu diisi oleh Ahli Parlimen atau pemimpin dari parti Amanah.

Pada masa sama, Anwar turut dikatakan mungkin akan menggugurkan beberapa menteri atau timbalan menteri yang dianggap kurang cemerlang.

Rombakan Kabinet itu se-

makin bertiup kencang apabila Perdana Menteri dijangka melakukannya selepas Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Pelangai di Pahang pada 7 Oktober ini.

Pertukaran lima individu jawatan tertinggi dalam kerajaan secara serentak berkuat kuasa hari ini melibatkan tiga ketua setiausaha bertukar kementerian, seorang ketua setiausaha dilantik sebagai ketua pengarah jabatan manakala seorang lagi dinaikkan pangkat, daripada timbalan kepada ketua setiausaha menguatkan lagi spekulasi itu.

Sementara itu, Menteri Komunikasi dan Digital, Fahmi Fadzil yang juga jurucakap kerajaan berkata, spekulasi berhubung rombakan Kabinet yang pertama Kerajaan Perpaduan dalam masa terdekat tidak dibincangkan dalam mesyuarat semalam.

"Mengenai desas-desus ada berlaku rombakan menteri, tiada dibincangkan dalam mesyuarat mingguan Kabinet hari ini," katanya dalam sidang akhbar di

Putrajaya, semalam.

Dalam perkembangan berlainan, Fahmi berkata, kerajaan belum berhasrat mengembalikan Akta Antiberita Tidak Benar yang dimansuhkan pentadbiran terdahulu pada 2018, malah ia tidak dibincangkan dalam mesyuarat mingguan Kabinet semalam.

Fahmi berkata, kementeriannya merancang beberapa usaha serius dalam mengekang penularan berita fitnah yang semakin berleluasa tanpa kawalan ketika ini antaranya pindaan terhadap Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, namun ia masih belum lagi dimuktamadkan.

Beliau bagaimanapun memberi jaminan kerajaan tidak pernah menyekat kebebasan berita melibatkan petugas media tempatan, malah belum ada lagi menangkap wartawan.

Namun apa yang berlaku, katanya, mereka sekadar memberikan keterangan kepada pihak polis bagi memastikan tiada isu pelanggaran perkara yang sensitif seperti Akta Rasia Rasmi 1972.